

16 JAN 1997

Abdullah-Ligitan

PEGAWAI MALAYSIA-INDONESIA BINCANG BAWA ISU PULAU KE ICJ

KOTA KINABALU, 16 Jan (Bernama) -- Pegawai-pegawai kanan Malaysia dan Indonesia telah mengadakan satu perbincangan mengenai cara kedua-dua negara membawa tuntutan bertindih terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata perbincangan pusingan pertama itu telah diadakan di Kuala Lumpur minggu lepas dan ia akan diikuti satu lagi perbincangan di Jakarta.

"Perbincangan itu berkisar antara lain sekitar persediaan kedua-dua negara untuk membawa tuntutan itu secara bersama ke ICJ," katanya ketika ditanya pemberita selepas mengunjungi Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh di sini, hari ini.

Ini adalah mesyuarat pertama pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara sejak Kuala Lumpur dan Jakarta bersetuju pada Oktober tahun lepas untuk merujuk tuntutan bertindih terhadap kedua-dua pulau itu ke ICJ, sekali gus mengakhiri perebutan selama 27 tahun itu.

Beliau berharap selepas perbincangan baru-baru ini dan satu lagi perbincangan di Jakarta, kedua-dua pihak akan mencapai persetujuan mengenai cara kes berkenaan dikemukakan ke ICJ.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober tahun lepas menyifatkan isu tuntutan terhadap kedua-dua pulau berkenaan sebagai telah selesai apabila kedua-dua negara bersetuju untuk membawa perkara itu ke ICJ.

Perdana Menteri ketika itu juga berkata Malaysia akan menerima sebarang keputusan ICJ sekalipun jika ia akan berpihak kepada Indonesia.

Kepada soalan mengenai penubuhan konsulat Filipina di Sabah, Abdullah berkata, negara berkenaan telah membuat keputusan untuk menubuhkan konsul mereka di Sabah tetapi belum memutuskan di mana ia ditempatkan.

"Kita tidaklah menekan mereka sangat dalam soal ini. Biarlah mereka membuat keputusan sendiri dan memaklumkan kepada kita," katanya.

Mengenai perjumpaannya dengan Ghapur, Abdullah berkata ia untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk kesediaan Wisma Putra untuk menghulurkan bantuan sekiranya Sabah berhasrat menghantarkan rombongan perdagangan ke negara luar. -- BERNAMA

JS NMO